



Majlis Perasmian **DGICM KE-22**

7 Ogos 2018 | YB Dato' Mohd Azis bin Jamman, Timbalan Menteri Dalam Negeri telah menyempurnakan Majlis Perasmian Mesyuarat Ketua Pengarah Jabatan Imigresen dan Ketua Bahagian Hal Ehwal Konsul ASEAN (DGICM) ke-22, di Kuala Lumpur.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Nadzri Siron, Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan) dan YBhg. Dato' Seri Mustafar bin Hj. Ali, Ketua Pengarah Imigresen.

Mesyuarat yang berlangsung pada 5 hingga 9 Ogos 2018 merupakan program kerjasama antara 10 anggota negara ASEAN bagi membincangkan isu-isu semasa serantau termasuk keganasan dan keselamatan, pemerdagangan orang, aktiviti penyeludupan serta keberkesanan kawalan sempadan di samping mengukuhkan lagi kerjasama dalam membanteras jenayah rentas sempadan





MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KESEDARAN SHUT

30 Julai 2018 | YBhg. Dato' Seri Alwi Bin Hj. Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri merangkap Pengerusi Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Antipemerdagangan Orang – *Stop Human Trafficking (SHUT)*, di Pusat Belia Antarabangsa, Kuala Lumpur.

Pelaksanaan kempen ini merupakan komitmen Kerajaan dan NGO serta kedutaan asing di Malaysia untuk berganding bahu membanteras pemerdagangan orang dan sekaligus menyahut seruan resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2013 yang mewartakan 30 Julai pada setiap tahun sebagai Hari Sambutan Hari Anti-Pemerdagangan Orang Sedunia atau *World Day Against Trafficking in Persons*.

Turut hadir di majlis ini adalah T.Y.T Dean Thompson, Timbalan Ketua Misi Kedutaan Amerika Syarikat di Malaysia yang berharap dapat menjalinkan kerjasama yang kukuh dengan Kerajaan Malaysia untuk memerangi jenayah pemerdagangan orang.





SAMBUTAN HARI PAHLAWAN 2018



31 Julai 2018 | Sambutan Hari Pahlawan diraikan setiap tahun pada tanggal 31 Julai secara bergilir-gilir sejak tahun 1968 di antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebagai tanda penghargaan kepada anggota pasukan keselamatan yang berkorban jiwa dan raga mempertahankan kedaulatan negara selama ini.

Sambutan pada tahun ini dianjurkan bagi mengingatkan masyarakat terutama generasi muda agar tidak melupakan sejarah negara dari sebuah negara berhadapan ancaman komunis serta subversif kepada sebuah negara aman dan merdeka.

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V telah berkenan berangkat ke istiadat sambutan Hari Pahlawan di Dataran Pahlawan Negara, Presint 1, Putrajaya.

Para hadirin turut dipersembahkan dengan Pantomen yang berkisar "Operasi Iblis" serta bacaan sajak yang bertemakan Pahlawan. Istiadat Hari Pahlawan ini turut dihadiri oleh Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri Kabinet, Ketua Setiausaha Negara, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Polis Negara, Panglima-Panglima Perkhidmatan, Pegawai-pegawai Kanan ATM dan PDRM, Ketua Setiausaha Kementerian serta Pegawai Kanan Sektor Awam.





e-BERITA

"Keselamatan Tanggungjawab Bersama"



KEMENTERIAN
DALAM NEGERI

SELAMAT MENYAMBUT HARI KEBANGSAAN

Sayangi
Malaysiaku



SEKITAR SAMBUTAN

HARI PAHLAWAN 2018





PROGRAM KELAB KDN

1 Ogos 2017 | Kementerian Dalam Negeri (KDN) hari ini telah menganjurkan Majlis Perjumpaan YBhg. Dato' Seri Ketua Setiausaha bersama warga di Dewan Gemilang, Kompleks D, Putrajaya.

Dalam majlis ini, YBhg. Dato' Seri Alwi bin Hj. Ibrahim telah menyampaikan sumbangan kepada Ahli Kelab KDN yang menyambut kelahiran bayi dan meraikan anak-anak warga KDN yang cemerlang dalam peperiksaan.

Selain itu, YBhg. Dato' Seri KSU turut menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Hiasan Antara Bahagian Sempena Sambutan Aidilfitri 2018. Bahagian Pembangunan telah berjaya mengekalkan kejuaraan selama dua tahun berturut-turut. Manakala Bahagian Perancangan Strategik dan Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan telah memenangi tempat kedua dan ketiga.

Majlis turut diserikan dengan pelancaran program Kejohanan Sukan Antara Bahagian KDN 2018.





PELANCARAN PROGRAM

GOTONG - ROYONG MEGA 1.0 PERANGI AEDES

16 Ogos 2018 | YBhg. Dato' Seri Alwi bin Hj. Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) hari ini telah melancarkan program Gotong - Royong Mega 1.0 Perangi Aedes Peringkat KDN, di Dataran Kompleks D Putrajaya.

Pelancaran program ini sebagai tanda sokongan KDN terhadap inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia dalam mencegah wabak Denggi. Pelancaran Gotong - Royong Mega 1.0 Perangi Aedes Peringkat Kebangsaan telah diadakan di Kuala Selangor pada 28 Julai yang lalu.

Serentak dengan pelancaran ini juga, Bahagian-bahagian di KDN turut mengadakan gotong royong bagi membersihkan kawasan persekitaran tempat kerja dan pejabat.





e-BERITA

"Keselamatan Tanggungjawab Bersama"



KEMENTERIAN
DALAM NEGERI

SELAMAT MENYAMBUT HARI KEBANGSAAN

Sayangi
Malaysiaku



KEMENTERIAN DALAM NEGERI



Tahniah

KEMENTERIAN DALAM NEGERI
DI ATAS PENGIKTIRAFAN PENARAFAN



INDEKS SSR UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA
(MAMPU)

• 2017 - 2018

Tahniah diucapkan kepada seluruh warga KDN atas Pengiktirafan Penarafan Lima Bintang Indeks SSR oleh Unit Permodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) 2017-2018.

Semoga dengan pengiktirafan ini, KDN akan terus cemerlang sebagai Kementerian peneraju keselamatan negara.